

28/02/2003

Patuh resolusi atau diserang Amerika: Duta

KOTA KINABALU: Amerika Syarikat tiada pilihan kecuali melakukan kekerasan

bagi melucutkan senjata pemusnah Iraq jika Baghdad terus enggan mematuhi Resolusi 1441 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala, berkata berikutan itu terpulang kepada Iraq menentukan sama ada mahu mematuhi resolusi itu atau bersedia menghadapi tindakan kekerasan yang serius oleh Amerika dan sekutunya.

Katanya, Presiden George W Bush sudah menyatakan bahawa peperangan adalah pilihan terakhir kerana Amerika Syarikat lebih suka menyelesaikan konflik di Iraq secara diplomatik.

"Kini terpulang kepada Iraq...mereka yang menentukan sama ada mahu mematuhi Resolusi 1441 atau menghadapi tindakan serius secara kekerasan,"

katanya pada sidang akhbar di Shangri-La Tanjung Aru Resort (Star), di sini semalam.

Beliau diminta mengulas bantahan pelbagai pihak mengenai kemungkinan Amerika Syarikat menyerang Iraq dalam tempoh terdekat.

Huhtala yang dalam rangka lawatan empat hari ke Sabah berkata, Majlis Keselamatan PBB pada November lalu sebulat suara meluluskan resolusi supaya Iraq melucutkan senjata pemusnahnya secara sukarela.

"Jika mereka tidak mematuhinya, ia kemungkinan membawa kita mengetuai tindakan kekerasan terhadap Iraq," katanya.

Mengenai bantahan rakyat Amerika terhadap perang ke atas Iraq, beliau berkata sebenarnya reaksi umum di negara itu bercampur-campur, iaitu membantah dan menyokong.

Sambil mendakwa perhimpunan besar-besaran di negaranya adalah simbol kebebasan bercakap dan menyatakan pendirian, Huhtala berkata kebiasaannya apabila kerajaan Amerika membuat keputusan, ia disokong oleh rakyatnya secara mutlak.

Ketika ini, katanya, sentimen majoriti rakyat ialah menyokong pentingnya Amerika mendesak Iraq melucutkan senjatanya.

Mengenai reaksi Washington mengenai ucapan Datuk Seri Dr Mahathir berhubung isu Iraq ketika Persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), beliau berkata, pihaknya sudah menyampaikan secara penuh kandungan ucapan itu kepada Washington.

"Kami di sini mengkajinya dan begitu juga rakan kami di Washington...tapi saya belum lagi mendapat reaksi rasmi," katanya

Dalam pada itu, beliau menegaskan hubungan diplomatik dengan Malaysia tidak terjejas, sekali pun pemimpin negara ini ada pendirian berbeza berhubung isu Iraq.

Mengenai nasihat kerajaan Amerika kepada rakyatnya ke rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia dan khususnya Sabah, beliau berkata ia dikaji

dari semasa ke semasa mengikut keadaan.

Katanya, nasihat pelancongan itu menyebut Pulau Sipadan secara khusus disebabkan berlaku insiden penculikan di pulau itu membabitkan warga asing pada 2000 dan kebimbangan kemungkinan kejadian umpama itu berulang.

"Ia bukan amaran menyekat rakyat Amerika melawat ke sini, sebaliknya sekadar memaklumkan kepada mereka mengenai kehadiran kumpulan yang mungkin membahayakan.

"Kita tidak mengarahkan rakyat Amerika jangan pergi ke sesuatu tempat, tapi kita memberikan maklumat yang kita ada mengenai tempat yang berkemungkinan ada bahaya," katanya, sambil menjelaskan nasihat sedemikian

turut diberi bagi negara lain seluruh dunia.

Huhtala yang tiba kelmarin, mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Negeri, Datuk Ahmadshah Abdullah serta pertemuan dengan Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan pegawai Majlis Pembangunan Negeri dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Sabah.